

Kesumba UMS anjur Seminar Memperkasa Ibu Bapa

UB 19.4.2016 B3

KELAB Suri Rumah dan Staf Wanita (Kesumba) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Seminar Memperkasa Ibu Bapa Sebagai Inspirer Kecemerlangan Anak di Galeri Canselor, UMS Kota Kinabalu pada 23 April ini.

Seminar yang bermula jam 8.30 pagi itu akan dikendalikan oleh penceramah motivasi terkenal tanahair, Datuk Dr Haji Mohd Fadzilah Kamsah.

Tiga objektif utama seminar itu ialah mengenal diri dan mengenal anak-anak dengan lebih sistematik dan bersepadau, memahami komunikasi keibubapaan yang berkesan dan memahami 30 langkah bijak untuk membolehkan ibu bapa menjadi *Inspirer* yang berkesan.

Menjadi ibu bapa yang cemerlang adalah satu proses dan bukan satu destinasi yang pasti. Semua perkara berubah dan berevolusi, justeru ibu bapa juga harus sentiasa meningkatkan diri untuk menghadapi dan menangani segala

tanggungjawab keibubapaan. Peranan dan tanggungjawab keibubapaan akan menguji keimanan, stamina, emosi, pertimbangan, kesabaran dan kekadang menggugat aras 'kesiumanan' ibu bapa.

Rangsangan dan stimulasi dalam bentuk latihan sistematis, peringatan, teguran, perkongsian maklumat dan pengalaman akan dapat membantu ibu bapa menjaga, mendidik, menjadi model dan mengerakkan anak-anak ke arah kecemerlangan yang bersepadau.

Seminar ini bertujuan membantu ibu bapa menjadi motivator yang berimpak dan berprestasi tinggi terhadap anak-anak.

Ia direka bentuk berdasarkan kajian, penelitian dan pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang kemahiran keibubapaan.

Jurucakap penganjur Hayati Salleh Baihaki berkata Kesumba menyasarkan tiga kumpulan iaitu ibu bapa/penjaga, guru dan kaunselor untuk menyertai seminar itu.

Katanya, antara pengisian



HAYATI (dua kanan) menyerahkan watikah pelantikan kepada Ketua Biro Ekonomi dan Kepenggunaan, Dg Norsiah Ag Seman diperhatikan Norhanizah (kanan) selepas mempengerusikan mesyuarat Kesumba UMS Labuan, kelmarin.

seminar ialah syarahan, perbincangan, soal jawab, kaunseling dan penasihat, 'personal coaching' dan penulisan misi keluarga dan kontrak diri.

Selaras pendaftaran

peserta dan taklimat, seminar itu akan dimulakan dengan Sesi 1: Merungkai Masalah dan Cabaran Terkini dalam Mendidik Anak, Cabaran terkini, Cabaran media sosial, Cabaran dalam

komunikasi keluarga, Anak-anak semakin biadab dan 7 cara mengenal diri ibu bapa dan mengenali anak-anak.

Selepas itu, Diskusi Tidak Formal Sesi 2: Kaedah Menangani Anak

Yang Mencabar, Tindakan awal ibu bapa jika anak bermasalah, Teknik menegur anak yang bermasalah, Beza menangani anak lelaki vs anak perempuan, Mendidik anak untuk taat, dan

Pengharapan ibu bapa vs pengharapan anak-anak.

Sesi 3 akan diteruskan dengan Langkah Bijak Ibu Bapa Sebagai Inspirer, 30 langkah bijak untuk menjadi Inspirer berkesan kepada anak-anak, Memilih 10 tindakan kritikal untuk menjadi *Inspirer*, dan Pengijazahan doa harian untuk ibu bapa.

Pada akhir seminar akan diadakan rumusan, rangka tindakan, penilaian dan kontrak diri.

Yuran penyertaan termasuk sijil, nota ceramah dan makan tengahari sebanyak RM150 untuk Ahli Kesumba, RM200 untuk Staf UMS (bukan ahli Kesumba) dan RM250 untuk peserta dari luar.

Pihak Kesumba yang diketuai Yang Dipertua Datin Baidah Ibrahim mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad yang memberikan sokongan moral dan kerjasama padu kepada penganjuran seminar itu.